

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN MOHD YUNUS  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 7**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah terbaik untuk memastikan syarikat penerbangan tidak menaikkan harga ketika musim perayaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk memastikan syarikat penerbangan tidak menaikkan harga ketika musim perayaan, YB Menteri Pengangkutan telah mengadakan satu mesyuarat dengan syarikat-syarikat penerbangan pada 4 September 2018 berhubung isu tersebut dan telah memutuskan langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) sebagai langkah interim, Kerajaan tidak akan menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik bagi tujuan mengelakkan sebarang manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan yang mana purata harga tiket akan menjadi lebih tinggi walaupun di luar musim perayaan sekiranya ia dilaksanakan;
  - (ii) Kerajaan akan terus membenarkan harga tiket ditentukan oleh pasaran semasa (*market driven*) yang mana syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi;
  - (iii) Bagi mengurangkan kenaikan harga tambang sempena musim perayaan, Kerajaan telah mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Gawai dan Pesta Keamatan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi;
  - (iv) Dalam hubungan ini, Kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat, perkhidmatan ERL dan teksi untuk

## NO. SOALAN: 7

melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan dalam tempoh 7 hari tersebut;

- (v) Orang ramai disaran untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian disaat akhir; dan
- (vi) Pihak Pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah diminta untuk membuat pemantauan berhubung pengenaan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan dan meneliti impak pelaksanaan kaedah interim ini. Sekiranya, kaedah ini tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang yang tidak munasabah sempena musim perayaan, pihak Kementerian akan mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik.

Sekian, terima kasih.